

PENDIDIKAN ESTETIKA DALAM PENCIPTAAN KARYA BERDASARKAN MODEL PROSES KREATIF TEKSNALURI DALAM ANTOLOGI KUIINGIN BERTERIMA KASIH

*Aesthetic Education in The Creation of Work Based on The Technological Creative Process
Model in The Kuingin Anthology Thank You*

Nur Amira Mohd*, Ghazali Bin Din

*Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
nuramira.mohd97@gmail.com.my¹, ghazali_din@fbk.upsi.edu.my²*

Published: 30 April 2024

To cite this article (APA): Mohd, N. A., & Din, G. (2024). Pendidikan Estetika dalam Penciptaan Karya berdasarkan Model Proses Kreatif Teksnaluri dalam Antologi Kuingin Berterima Kasih. *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(1), 69–75. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.7.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.7.2024>

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk menghuraikan fungsi pendidikan estetika dalam penciptaan karya berdasarkan buku Antologi Kuingin Berterima Kasih serta menganalisis aspek naluri yang terdapat dalam Antologi Kuingin Berterima Kasih berdasarkan Model Proses Kreatif Teksnaluri. Kajian secara kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah kajian teks ini menganalisis sebanyak 11 karya yang terkumpul dalam buku Antologi Kuingin Berterima Kasih dengan menggunakan Model Proses Kreatif Teksnaluri. Model ini dibangunkan sebagai sebuah kerangka konsep bagi memperjelaskan pengaruh elemen naluri dalam penciptaan sesebuah karya. Terdapat tujuh naluri yang menjadi teras untuk memahami peranan naluri iaitu Naluri Kerohanian, Naluri Kemanusiaan, Naluri Kemasyarakatan, Naluri Keindividualan, Naluri Keintelektualan, Naluri Kealaman dan Naluri Keindahan. Hasil kajian yang dijalankan terhadap fungsi Pendidikan Estetika dalam penciptaan karya berdasarkan buku Antologi Kuingin Berterima Kasih mendapati terdapat 3 fungsi utama yang telah dihuraikan. Elemen naluri yang paling dominan ditemui ialah Naluri Kemasyarakatan. Naluri Kemasyarakatan hadir dalam 5 buah karya, Naluri Kerohanian (4), Naluri Kemanusiaan (4), Naluri Keindividualan (2), Naluri Keintelektualan (2), Naluri Kealaman (3) dan Naluri Keindahan sebanyak 4 karya. Kajian ini mencadangkan Model Proses Kreatif Teksnaluri digunakan dalam kajian-kajian yang berkaitan proses kreatif dan kepengarangan dalam penciptaan karya ke atas penulis lain.

Kata Kunci: Pendidikan Estetika, Teksnaluri, Model Proses Kreatif Teksnaluri, penciptaan karya

ABSTRACT

This study was carried out to describe the function of aesthetic education in the creation of works based on the Kuingin Berterima Kasih Anthology book as well as to analyze the instinctive aspects found in the Kuingin Berterima Kasih Anthology based on the Teksnaluri Creative Process Model. Qualitative research using bibliography and text research methods analyzes 11 works collected in the Kuingin Berterima Kasih Anthology book using the Teksnaluri Creative Process Model. This model was developed as a conceptual framework to clarify the influence of instinctive elements in the creation of a work. There are seven instincts that are the core to understand the role of instincts, namely Spiritual Instinct, Aging Instinct, Social Instinct, Individuality Instinct, Intellectual Instinct, Natural Instinct and Beauty Instinct. The results of the study conducted on the function of Aesthetic Education in the creation of works based on the Kuingin Berterima Kasih Anthology book found that there are 3 main functions that have been described. The most dominant instinctual element found is the Social Instinct. Social Instinct is present in 5 works, Spiritual Instinct (4), Human Instinct (4), Individuality Instinct (2),

Intellectual Instinct (2), Scientific Instinct (3) and Beauty Instinct as many as 4 works. This study suggests that the TeksNALURI Creative Process Model be used in studies related to the creative process and authorship in the creation of works by other writers.

Keywords: *Aesthetics Education, Instinctive Texts, Instinctual Creative Process Model, creation of works*

PENDAHULUAN

Kesusasteraan menurut Ali Ahmad (1997:3), ialah definisi kesusasteraan selalunya dihubungkan dengan asal usul perkataan kesusasteraan. Perkataan ‘sastera’ berasal daripada bahasa Sanskrit castra yang membawa maksud kitab suci. Menurut Harun Mat Piah (2006), kesusasteraan membawa pengertian sebagai segala penghasilan sastera yang dinikmati atau disampaikan, baik melalui tulisan mahupun secara lisan. Sastera merupakan satu bidang seni kreatif yang medium penghantarnya adalah bahasa. Sastera ini wujud dari tradisi lisan dan semakin berkembang mengikut peredaran zaman. Menurut Ani Omar (2011) sastera berfungsi untuk menghargai karya-karya kreatif yang telah dihasilkan oleh para penulis tanah air.

Setiap pengarang yang mencipta sesebuah karya bertanggungjawab mengembangkan disiplin dan identiti kesusasteraan sehingga sumbangan terbesar tersebut dapat mencapai tahap layak untuk menerima penghargaan ataupun pengiktirafan. Pada zaman dahulu, seseorang pengarang itu akan bersembunyi dan berselindung di sebalik nama-nama samara. Penggunaan nama samara adalah salah satu strategi kreatif mereka dalam mengelak identiti sebenar diketahui oleh khalayak ramai.

Menurut Abdul Halim Ali (2011), kesusasteraan adalah disiplin ilmu yang berkembang sejak zaman Yunani. Antara tokoh pemikir ketika itu ialah Plato dan Aristotle, namun lebih awal dari itu terdapat beberapa tokoh pemikir Yunani seperti Aeschylus, Sophocles dan Aristophanes. Aristotle dianggap sebagai pelopor teori sastera menerusi bukunya *Poetics*.

Karya yang berasaskan naluri memberi kesan emosi kepada pembaca berbanding karya yang langsung tidak mengambil kira sensitiviti khalayak pembaca. Prinsip kepengarangan bahawa karya dihasilkan untuk seni semata-mata tidak meresapi jiwa khalayak pembaca kerana tidak bersifat komunikatif dan tidak memenuhi gagasan model Proses Kreatif TeksNALURI. TeksNALURI mengambil kira faktor pengarang menghasilkan karya untuk menyampaikan mesej yang boleh memberi impak psikologi kepada kehidupan khalayak. Naluri yang tercetus pada diri pengarang harus memiliki keupayaan berkomunikasi dengan naluri pembaca untuk membina keseragaman melalui karya.

KAJIAN LITERATUR/TINJAUAN LITERATUR

Menurut Rahmah Haji Bujang (2000) melalui kajian *Imaginasi, Persepsi, Visualisasi: Proses Kreatif Seni Persembahan* menyatakan proses kreatif adalah proses yang melibatkan imaginasi, persepsi dan visualisasi. Daya kreatif ini adalah hasil daripada proses mengesan dan meminjam dari elemen dan kejadian alam sekitarnya,

Selain itu, menurut tesis Abu Hassan, U. H. (2011) melalui kajian *Drama dakwah di Malaysia: kajian tentang proses penulisan skrip* telah memetik pendapat tokoh Mana Sikana yang menyatakan bahawa kegiatan menulis skrip drama merupakan aktiviti intelektual yang menuntut kesungguhan dan pengorbanan penulis. Oleh yang demikian, setiap penulis ataupun pengarang mempunyai cara mahupun kaedah yang tersendiri dalam menghasilkan karya kreatif termasukalan skrip drama.

Menurut Ghazali Din (2010) melalui kajian *Proses kreatif dan pemikiran: kajian puisi A. Wahab Ali dan Kemala* menyatakan bahawa proses kreatif merupakan salah satu proses yang unik yang mencetuskan karya dan membuka pemikiran. Beliau juga meninjau proses kreatif dua orang penyair dari kalangan pendidik iaitu A Wahab Ali dan Kemala atau nama sebenarnya Ahmad Kamal Abdullah.

Kedua-dua penyair ini telah membuktikan keupayaan dan tersohor dalam penghasilan karya dan pemikiran dalam karya. Pemikiran ini terhasil daripada kesinambungan proses kreatif yang bertolak daripada latar kehidupan dan pengalaman yang melatari kehidupan mereka.


Menurut Juraman, S.R (2017) melalui kajian Naluri Kekuasaan Sigmund Frued yang memahaskan mengenai keperibadian Frued seperti rohani, naluri penyebaran, id, ego dan super Ego. Naluri kekuasaan ini menggambarkan tentang kehidupan Frued yang bermula dari zaman sejarah tentang dirinya sehingga kepada susunan keperibadiannya. Menurut Ghazali Din & A. Halim Ali (2020) dalam kajian Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Hj Salleh Terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu. Naluri yang telah diketengah ialah naluri kemasyarakatan. Hal ini demikian kerana seorang penyair ditafsirkan sebagai keinginan penyair dalam menyampaikan segala pengalaman atau pengamatan yang akan dilihatnya tentang perlakuan masyarakat yang tidak boleh dipisahkan dengan idea penciptaan pengarang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang menggunakan dua kaedah iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah kajian teks. Kaedah kepustakaan telah digunakan kerana sebahagian besar sumber data kajian adalah dalam bentuk kepustakaan iaitu buku bercetak yang terdiri daripada buku kamus dewan untuk mengetahui maksud ataupun konsep dan buku-buku rujukan yang lain manakala kaedah kajian teks pula digunakan kerana ianya merupakan kajian utama iaitu berdasarkan Teks Antologi Ku Ingin Berterima Kasih. Buku antologi ini merupakan buku teks Komsas yang digunakan di sekolah oleh pelajar Tingkatan 1. Sumber data primer biasanya diperolehi secara terus tetapi memerlukan pengadaptasian oleh pengkaji sebelum menjadi hasil kajian yang baik. Ia boleh dilakukan dalam bentuk kualitatif dan kuantitatif. Data primer yang digunakan oleh pengkaji ialah sebuah buku kajian iaitu Antologi Ku Ingin Berterima Kasih. Manakala data sekunder pula terdiri daripada kajian-kajian lalu, tesis, disertasi doktor falsafah dan sarjana, jurnal akademiku, serta buku dalam bentuk kepustakaan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan dalam bab ini juga berpandukan kerangka kajian Model Proses Kreatif Teks naluri untuk menganalisis aspek naluri yang terdapat dalam setiap penciptaan karya berdasarkan buku Antologi Kuingin Berterima Kasih. Semua analisis adalah berdasarkan data-data utama iaitu sebuah buku Antologi yang menghimpunkan 11 buah karya.



Rajah 1: Jumlah Peratusan Karya Mengikut Aspek Naluri

Berdasarkan rajah 4.2 ini dapat dilihat mengenai jumlah peratusan karya mengikut aspek naluri. Elemen naluri yang paling dominan ditemui ialah Naluri Kemasyarakatan iaitu sebanyak 5 buah karya bersamaan dengan 21%. Naluri Kerohanian sebanyak 4 karya bersamaan dengan 17%, Naluri

Kemanusiaan juga sebanyak 4 karya bersamaan dengan 17%. Antara elemen yang jarang ditemui ialah Naluri Keindividualan dan Naluri Keintelektualan. Naluri Keindividualan hanya sebanyak 2 karya bersamaan dengan 8% dan Naluri Keintelektualan juga sebanyak 2 karya bersamaan dengan 8%. Seterusnya ialah Naluri Kealaman iaitu sebanyak 3 karya bersamaan dengan 12%. Akhir sekali, Naluri Keindahan iaitu sebanyak 4 karya bersamaan dengan 17%.

Seterusnya ialah melalui objektif pertama iaitu fungsi Pendidikan Estetika Dalam Karya/Menurut Wellek dan Warren (1968) sajak mempunyai hakikat dan konvensi sendiri serta bersifat imaginatif yang mempunyai fungsi estetika yang amat dominan. Keindahan yang menjadi teras estetik teks kesusasteraan ialah keindahan yang dapat mewujudkan dalam kesedaran pembaca tentang peringatan-peringatan Allah SWT dalam al-Quran yang berkaitan dengan persoalan akidah, syariat dan akhlak. Keindahan dalam konteks ini, tidak sekadar hiasan pada binaan struktur atau jalinan gaya bahasa semata-mata. Istilah "keindahan" (indah) merupakan salah satu istilah pokok dalam sistem estetika kesusasteraan Melayu. Konsep keindahan dalam tradisi dan budaya Melayu menurut V.I. Braginsky (1994:16).

Objektif kedua ialah Aspek naluri yang terdapat dalam karya. Antara ketujuh-tujuh naluri yang terdapat dalam Model Proses Kreatif Teks naluri adalah Naluri Kerohanian, Naluri Kemanusiaan, Naluri Kemasyarakatan, Naluri Keindividualan, Naluri Keintelektualan, Naluri Kealaman serta Naluri Keindahan. Pengkaji akan menganalisis aspek ketujuh-tujuh naluri ini serta memberikan contoh petikan ataupun karya berdasarkan buku Antologi Ku Ingin Berterima Kasih.

Naluri kerohanian ini membawa maksud perihal tentang rohani, sifat-sifat rohani atau kerohanian. Perkataan rohani ini berasal daripada kata "Roh". "Roh" dalam bahasa arab mempunyai dua maksud iaitu pengertian literal dan istilah. Menerusi pengertian literal, perkataan "roh" ialah pernafasan yang keluar dari jantung manakala dari aspek pengertian istilah pula ialah persediaan semula jadi yang ada pada jantung untuk menerima dan melihat cahaya kebenaran dan hakikat mutlak melalui mata hatinya. Naluri kemanusiaan ialah naluri mengeluarkan perasaan hati kepada orang lain sebagai peribadi yang suaranya ingin diperhitungkan dan timbul dari keinginannya untuk menegaskan eksistensi. Naluri kemanusiaan terdapat dalam pelbagai peradaban dan ahli-ahli fikir berusaha untuk mengenal pasti hakikat kemanusiaan kerana bertolak daripada hakikat inilah maka segala ilmu tentang manusia boleh dibina ataupun penemuan-penemuan tentang tingkah laku manusia boleh difahami, diterangkan dan dijangkakan.

Naluri kemasyarakatan turut dipengaruhi dengan persekitaran yang muncul daripada perjalanan dan pengembaraan. Masyarakat adalah kumpulan manusia yang hidup bersama, serta pergaulan hidup. Pengkaji juga mengemukakan beberapa contoh untuk dijadikan bukti kajian naluri kemasyarakatan kerana naluri ini merupakan naluri yang paling dominan ditemui menerusi Buku Antologi Kuingin Berterima Kasih. manakala kemasyarakatan mencerminkan keadaan masyarakat atau yang berkaitan dengan masyarakat. Secara jelas, Naluri kemasyarakatan juga terdapat dalam cerpen "Hadiah" Karya Tie Camar melalui ayat "Aku pun sayang akan Cikgu Azimah.". Hubungan antara insan perlu dieratkan dengan sifat kejujuran dan keikhlasan melalui perbuatan iaitu dengan kata-kata. Naluri kemasyarakatan tersebut terdapat dalam petikan dibawah:

"Kau nak hadiahkan apa, Aliza?" tanya Hamidah.
"Hamidah, akau akan hadiahkan kain tenun sutera kepada Cikgu Azimah."
"Eh, kau tiru aku! Kau bagilah kepada guru lain," Kata Hamidah. Dia marah dan geram kerana Aliza akan memberikan hadiah kepada guru kesayangannya.
"Cikgu Azimah bukan guru kau seorang. Aku pun sayang akan Cikgu Azimah."

(Antologi Kuingin Berterima Kasih, "Hadiah", Hlm 42-43)

Menerusi petikan ini, dapat dilihat bahawa murid-murid tersebut sangat sayang akan guru mereka. Kenyataan ini telah berlaku di dalam perhubungan mereka dengan guru. Oleh itu secara jelas ianya sangat bertepatan dengan nilai kemasyarakatan yang sepatutnya menjadi panduan dan amalan dalam

perhubungan manusia. Konsep kemasyarakatan ini seharusnya dimuliakan dengan rasa sayang ataupun berkasih sayang sesama manusia. Dapat dilihat melalui petikan tersebut, bahawa kesemua anak murid tersebut berbincang untuk memberikan hadiah kepada guru kesayangan masing-masing. Sikap kasih sayang yang ditunjukkan mampu untuk mengeratkan hubungan antara manusia. Penulis juga telah melahirkan naluri kemasyarakatan melalui karya ini dan mampu untuk dijadikan contoh oleh pembaca serta khalayak. Sebagai seorang penulis, Tie Camar juga sangat prihatin terhadap apa yang pernah berlaku disekelilingnya serta merasakan tanggungjawab untuk menulis sebuah karya agar menjadi wadah kepada generasi muda. Pengkaji juga telah mengamati setiap bait ayat yang terdapat di dalam cerpen ini, kerana pengkaji juga dulu pernah bergelar seorang murid dan mula berasa gembira untuk memberikan hadiah kepada guru kesayangan. Menerusi cerpen ini, penulis telah melontarkan nilai kemasyarakatan yang penyayang serta berkasih sayang sesama manusia.

Naluri kemasyarakatan juga wujud menerusi keindanan dan kemanusiaan seseorang untuk membantu ahli keluarga. Naluri kemasyarakatan ini dapat dilihat menerusi watak Pak Mail dan Fauziah dalam drama Hadiah karya Aripin Said. Contoh dialog drama:

<p>Pak Mail: (Berjalan keluar dari dalam) Kamu baca surat Hayati itu lagi, Fauziah? Sudahlah. Biarkan dia balik ke sini dulu. Kemudian, kita sama-sama ikhtiar supaya dia dapat belajar terus. Pagi tadi aku berjumpa dengan Datuk Penghulu. Aku telah menceritakan masalah kita kepadanya. (menuju ke meja sambil mencari-cari paipnya). Oh ya! Menurut suratnya itu bila Hayati nak balik? (Duduk di salah sebuah kerusi).</p> <p>Fauziah: (Memandang ayahnya) Kalau mengikut suratnya pada hari ini, ayah. Dia mungkin akan sampai petang ini</p> <p style="text-align: right;">.(Antologi Kuingin Berterima Kasih, “Hadiah”, Hlm 70)</p>
--

Menerusi dialog di atas, naluri kemasyarakatan juga wujud menerusi watak Pak Mail yang berusaha untuk membantu anak dan cucunya setelah kematian menantunya. Kehidupan mereka susah kerana tidak memiliki wang yang cukup untuk menanggung persekolahan cucunya iaitu Hayati. Selain itu, naluri kemasyarakatan juga terjalin apabila Pak Mail menceritakan masalah yang dihadapinya kepada Datuk Penghulu. Hal ini kerana, nilai kemasyarakatan yang dimiliki oleh mereka dalam satu kelompok sangat baik dan saling bantu-membantu sekiranya memiliki masalah. Nilai kemanusiaan yang dikemukakan oleh penulis sangat terserlah menerusi watak Pak Mail.

Naluri kemasyarakatan ini wujud dalam diri penulis sebelum penciptaan karya itu berlaku. Naluri seseorang penulis bergerak atas rasa tanggungjawab sesama manusia. Secara tidak langsung, naluri kemasyarakatan adalah salah satu isi yang sehati dan akrab dengan mana-mana pengarang mahupun penulis. Seseorang penulis juga akan memilih bait-bait kata paling tepat Menyusun diksi supaya naluri kemasyarakatan itu sampai secara komunikatif.

Selanjutnya ialah Naluri Keindividualan. Naluri keindividualan disebabkan wujudnya sifat personal dan keakuan pengarang. Naluri ini membantu ke arah membina keperibadian dan prinsip dalam kepengarangan. Setiap pengarang ingin suaranya didengar dan direnungi oleh pengkaji atau khalayak. Namun, tidak semua pengarang mendapat peluang karyanya diperkatakan. Keberanian menyatakan sesuatu tanpa berselindung juga membuatkan didorong oleh wujudnya naluri keindividualan yang tinggi.

Seterusnya ialah naluri keintelektualan. Keintelektualan bermaksud kemampuan menggunakan intelek atau akal budi dan sifat intelektual yang ada pada seseorang manakala kata akar intelek bermaksud kemampuan atau daya berfikir, memahami, menganalisis dan sebagainya. Seseorang yang intelektual atau memiliki sifat keintelektualan terdiri daripada golongan yang terpelajar, cerdik pandai dan cendekiawan.

Naluri kealaman pula merupakan naluri yang keenam dalam Model Proses Kreatif Teks naluri. Perkataan alam merupakan terjemahan dari bahasa Inggeris “nature” yang juga berasal daripada

perkataan Latin “natura” yang pada waktu itu membawa maksud „kelahiran“. Natura pula merupakan terjemahan Latin dari perkataan Yunani iaitu “physis” yang pada awalnya berkaitan dengan karakter yang dimiliki oleh tanaman, haiwan dan pelbagai benda lain di dunia.

Naluri yang ketujuh ataupun terakhir dalam Model Proses Kreatif Teks naluri yang dikemukakan pengkaji adalah Naluri Keindahan. Naluri Keindahan atau nilai estetika sangat rapat dengan orang Melayu. Dalam kesusasteraan dan penulisan kreatif, keindahan dikaitkan dengan estetika. Estetika sebagai ilmu yang membahaskan halhal keindahan dan kesenian. Dalam konteks agama Islam, keindahan alam semulajadi adalah suatu refleksi dan manifestasi keindahan Allah SWT yang menciptanya (keindahan). Keindahan yang hadir pada objek atau dipersepsi oleh subjek tidak dapat dipisahkan hubungannya dengan Tuhan. Keindahan dalam gaya bahasa tidak bermakna selagi ia tidak dihubungkan dengan keindahan hakiki yang tergambar daripada firman Allah dan juga hadis nabi yang mengandungi perutusan-perutusan agama. Sumber tempat menyandarkan keindahan ini ialah al-Quran dan hadis itu sendiri.

KESIMPULAN

Elemen-elemen naluri sangat memainkan peranan yang penting secara semula jadi membantu pemikiran seseorang pengarang menjana tema dan persoalan dalam karyanya. Pada akhirnya, ianya sangat penting bagi pengarang untuk mencetuskan karya yang berkonsepkan Teks naluri. Selain itu, amatlah dititikberatkan mengenai pendidikan estetika yang seharusnya dipelajari oleh pengarang mahupun pencinta karya sastera. Pendidikan estetika juga memainkan peranan yang penting dalam penciptaan sebuah karya yang baik dan menarik. Oleh yang demikian, pengkaji juga telah menghuraikan fungsi-fungsi pendidikan estetika dalam penciptaan sesebuah karya.

Karya yang menyentuh hati nurani dan jiwa pembaca lahir daripada naluri penulis yang diuruskan secara bijaksana menerusi fikiran yang waras dan kreatif. Kajian yang membahaskan aspek-aspek naluri dalam penciptaan karya ini membahaskan tentang pentingnya ekspresi naluri dan perasaan dalam sesebuah karya kesusasteraan sebagai medium penyampaian maklumat atau mesej melalui karya kreatif. Sebuah karya yang kreatif mampu memberikan manfaat yang cukup besar kepada pembaca dan khalayak bagi membentuk jati diri serta nilai-nilai murni.

Melalui karya juga, mampu melahirkan bangsa yang mempunyai intelektual yang bijak serta berfikiran besar dan mencintai bangsa dan jati diri. Menerusi pembacaan ini, pembinaan sahsiah dalam diri masyarakat akan mula terbentuk dan ini semua adalah berkat usaha penulis kerana melalui karyanya, mesej-mesej yang disampaikan mampu memupuk kesedaran dalam diri pembaca.

RUJUKAN

- Ali Ahmad. (1994). *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali (2011). *Proses Kreativiti A. Samad Said Berasaskan Teori Teksdealisme*. *Jurnal Beradaban Melayu*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Hassan, U. H. (2011). *Drama dakwah di Malaysia: kajian tentang proses penulisan skrip* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Ani Omar. (2011). *Apresiasi teori kesusasteraan Melayu*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.
- Braginsky. I.V.(1994). *Erti Keindahan dan Keindahan Erti Dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah et al, 2006. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ghazali Din. (2010). *Proses kreatif dan pemikiran: kajian puisi A. Wahab Ali dan Kemala* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Juraman, S. R. (2017). *Naluri Kekuasaan dalam Sigmund Freud*. *Jurnal Studi Komunikasi*, 1(3), 280-287.

Rahmah Haji Bujang (2000), *Imaginasi, Persepsi, Visualisasi: Proses Kreatif Seni Persembahan*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.